

CNS8562

R GB 04-02 00147 BC931

aab

Mahathir - Filipina

RAKYAT FILIPINA DIGALAK BELAJAR PENGALAMAN MALAYSIA, KATA MAHATHIR
Daripada Azman Ujang

I

MANILA, 4 Feb (Bernama) -- Rakyat Filipina digalak belajar mempelajari perancangan ekonomi Malaysia jika berpendapat bahawa ia untuk kebaikan Filipina, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata banyak orang dari negara luar telah datang ke Malaysia bagi mempelajari kaedah perancangan ekonomi yang membolehkan Malaysia menikmati kemakmuran ekonomi.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya oleh seorang ahli perniagaan Filipina dalam perjumpaan makan tengah hari di sini tentang bagaimana untuk mencapai kejayaan ekonomi seperti dinikmati oleh Malaysia.

Kira-kira 300 ahli perniagaan terkemuka dari Filipina menghadiri majlis itu anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Filipina (PCCI).

Dr Mahathir berkata, seperti semua perkara, kejayaan tidak datang dengan mudah kerana banyak yang perlu diusahakan dan lakukan. -- Lagi

▼04/02/21-14MST

R GB 04-02 00167 BC932

aab

Mahathir - Filipina 2 Manila

Perdana Menteri berkata, Malaysia antara lain telah menubuhkan sistem bagi mengawasi perancangan ekonominya di samping penggunaan komputer secara meluas dan cara lain.

Dr Mahathir mendapat tepukan yang gemuruh apabila seorang lagi ahli perniagaan berkata bahawa rahsia kejayaan ekonomi Malaysia sebenarnya terletak pada Perdana Menteri sendiri serta "corak kepimpinannya yang mengkaqukan".

Presiden PCCI, Herman M. Montenegro memberitahu perjumpaan itu bahawa lawatan rombongan perniagaan dari Malaysia ke Filipina yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz baru-baru ini telah membawa masuk pelaburan Malaysia berjumlah 3.5 billion pesos (RM350 juta) ke Filipina dan perdagangan berjumlah 1.5 billion pesos (RM150 juta).

Dr Mahathir berada di Filipina untuk lawatan rasmi selama empat hari. Hari ini ialah hari kedua lawatan beliau.

Montenegro berkata, banyak peluang-peluang yang wujud antara kedua-dua negara dalam konteks produk bagi perdagangan di samping projek usahasama yang kurang diberi perhatian oleh kedua-dua pihak pada masa lepas. -- Lagi

▼04/02/21-17MST

R GB 04-02 00146 BC933

aab

Mahathir - Filipina 3 Manila

Lawatan Dr Mahathir ke Filipina bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara dan Dr Mahathir membuat lawatan itu setahun selepas Presiden Filipina, Fidel Ramos melakukan lawatan negara ke Malaysia.

Kira-kira 60 ahli perniagaan dari Malaysian yang menyertai delegasi Dr Mahathir hari ini mengadakan beberapa siri rundingan dengan PCCI bagi meneroka peluang-peluang perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Semalam sahaja, sektor swasta kedua-dua negara memeterai perjanjian usahasama bernilai 10 bilion Pesos meliputi tenaga, bekalan air, infrastruktur dan projek pelancongan.

Ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata walaupun perbezaan politik masih wujud antara Malaysia dan Filipina, kedua-dua kerajaan telah membuat keputusan tidak mahu membiarkan perbezaan ini menghalangi kerjasama ekonomi.

Dalam banyak hal, kedua-dua negara mempunyai matlamat dan aspirasi yang sama dalam semua sektor ekonomi, kata beliau. -- Lagi

▼04/02/21-55MST

CNS8583

R GB 04-02 00148 BC934

aab

Mahathir - Filipina 4 Manila

Perdagangan dua hala anatar kedua-dua negara telah meningkat dengan perdagangan dua hala sekarang berjumlah kira-kira RM1.83 billion dengan eksport Malaysia berjumlah RM1.2 bilion dan import pula RM610.7 juta.

Perdana Menteri berkata Filipina penting bagi menjayakan hasrat Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara negara anggota Asean.

Pelaburan Malaysia di Filipina terutama di Teluk Subic dijangka bernilai beratus-ratus juta Ringgit termasuk dalam sektor perhotelan, pusat perniagaan, pemprosesan makanan, pembinaan lebuh raya, pemasangan automobil dan kemudahan rekreasi.

Dr Mahathir meminta Filipina menambah pelaburannya di Malaysia yang bagi tempoh 1980-1993 meliputi 25 projek bernilai RM235 juta, kebanyakan dalam pengeluaran makanan, tekstil, industri dan produk mekanikal.

Beliau juga menarik perhatian tentang peluang-peluang bagi mengimport barangan Filipina ke Malaysia memandangkan hasrat Malaysia untuk mempelbagaikan sumber importnya dan mengurangkan penggantungan kepada rakan perdagangan tradisional. -- Lagi

▼04/02/22-10MST

R GB 04-02 00078 BC935

aab

Mahathir - Filipina 5 (akhir) Manila

Filipina yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan ekonomi yang berkembang adalah negara yang menawarkan potensi yang luas bagi pelbagai barangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata beliau kagum dengan sambutan yang minat yang ditunjukkan oleh sektor swasta di Filipina untuk menjalin hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Justeru itu, kedua-dua pihak perlu memperkukuhkan hubungan demi kepentingan bersama, kata beliau. -- Bernama

AU FAZ

▼04/02/22-11MST